BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SURAT PENYAMPAIAN

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Hj. Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri/Menteri Kewangan,
Malaysia.

YAB Dato' Sri,

Mengikut seksyen 56 Akta Takaful 1984 dan seksyen 192 Akta Insurans 1996, saya dengan hormatnya mengemukakan laporan berhubung dengan pentadbiran Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996, dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 sebagaimana dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2010 ini, untuk dibentangkan di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2011

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2010 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my